

23/09/1998

Pemulihan ekonomi tidak terjejas

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan Umno tidak menjejaskan usaha memulihkan ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, kerajaan kini mudah menguruskan dasar ekonomi kerana ia dikawal dari dalam dan tidak terdedah kepada pengaruh luar seperti sebelumnya.

"Walaupun kita menghadapi masalah ini, anda mungkin boleh lihat bahawa pasaran saham tidak jatuh, mungkin beberapa mata tetapi tidak seteruk pasaran saham di negara lain," katanya dalam sidang akhbar di sini petang ini.

Menurut Dr Mahathir, pelabur tempatan adalah peniaga utama di pasaran saham dan mereka memahami keadaan sebenar khususnya keupayaan sebenar kerajaan dalam menangani keadaan itu.

"Orang ramai di negara ini tahu keadaan ini, mereka tidak risau sangat sehingga menjual saham," katanya sambil menambah, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) agak tenang sejak beberapa hari lalu walaupun wujud masalah berkenaan.

Perdana Menteri berkata, tindakan kerajaan melaksanakan kawalan tukaran asing dan langkah tambahan lain, membantu mengekalkan keyakinan pelabur terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata usaha perunding kewangan negara, Salomon Smith Barney, untuk mengumpul dana di luar negara mungkin menghadapi masalah kerana gambaran pelabur asing mengenai Malaysia dipengaruhi apa yang dilaporkan di sini.

(END)